



**PERUTUSAN TAHUN BARU 2009
OLEH
PENGARAH,
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Tahun 2008 telahpun berlalu dan kini muncul tahun 2009. Pada kesempatan ini saya mengucapkan selamat menyambut tahun baru 2009 kepada seluruh warga PSA dengan harapan semoga di tahun ini kita akan dapat mengekalkan kecemerlangan bukan sahaja terhadap diri sendiri tetapi juga terhadap PSA yang kita sayangi ini. Saya juga mengucapkan selamat kembali bertugas kepada kakitangan dan para pensyarah yang telah bercuti dengan harapan agar terus membawa azam baru ke arah kecemerlangan bersama PSA. Pada

awal tahun ini kita telah melangkah ke satu sistem baru percutian yang memerlukan kepada pengisian borang sebagai pilihan kepada cuti tahunan.

Untuk mencorakkan masa depan PSA yang lebih cemerlang ianya memerlukan kepada input atau sumber maklumat yang tepat serta menyeluruh daripada semua anggota. Warga PSA sememangnya dikenali sebagai kakitangan yang sering membudayakan kecemerlangan dalam setiap tindakan oleh itu kerjasama Jabatan/Bahagian/Unit di PSA malahan antara kakitangan peringkat bawahan hinggalah ke pihak atasan saya dapati amat baik sekali. Sebab itulah saya sangat bersyukur apabila dinaikkan pangkat dan seterusnya ditempatkan di PSA merasa amat teruja dan ingin terus berbakti bersama warga PSA untuk terus memacu PSA ke arah kecemerlangan samada dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. Oleh itu saya akan memastikan agar pengurusan dan pentadbiran dalam PSA ini akan berjalan dengan lebih kemas dan teratur dengan berasas dan bermatlamatkan kepada kecemerlangan.

Belum terlambat saya ucapkan sekalung tahniah kepada warga PSA kerana telah berjaya meningkatkan taraf dan martabat PSA dengan kenaikan gred jawatan pengarah PSA ke Jusa C dan ini membuktikan bahawa kecemerlangan itu sebenarnya adalah milik warga PSA sendiri. Kejayaan ini adalah hasil daripada usaha keras anda semua dengan bersungguh-sungguh secara ' teamwork ' aktif, kreatif serta inovatif terhadap tugas yang diamanahkan dan tiada sesiapa yang dapat menafikan semua ini. Kejayaan ini adalah sebagai bukti bahawa warga PSA sebenarnya berada di landasan yang betul sebagaimana yang telah digariskan oleh pihak atasan khususnya pihak JPPKK dan KPT.

Keadaan inilah menjadi satu cabaran yang sangat besar buat saya selaku peneraju PSA yang baru kerana bukan sahaja untuk meneruskan kesinambungan tersebut malah berusaha untuk mencari sesuatu kelainan atau imej baru dengan penerokaan dan penciptaan sesuatu yang baru untuk

dibangunkan di PSA. Bak kata orang '**untuk mencapai sesuatu adalah lebih mudah berbanding untuk mempertahankannya**'. Justru itulah dalam memartabatkan kesinambungan dan imej kecemerlangan PSA yang baru ini saya menyeru dan mengajak semua warga PSA agar berkerja bersama-sama saya demi merealisasikan cita-cita tersebut selain memahami kembali visi, misi, objektif dan nilai-nilai yang berkaitan dengan PSA agar tindakan kita nanti tidak tersasar dan lari dari landasan dan perjuangan sebenar PSA.

Untuk mencapai sasaran di atas kita akan memastikan agar 'core business' PSA yang berkaitan dengan bidang Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dapat diurus dengan sebaik mungkin. Saya mengharapkan agar penekanan terhadap kejayaan proses-proses P&P seperti proses pengambilan, pelaksanaan, peperiksaan dan latihan industri perlu dilakukan tanpa ada cacat-celanya. Yang paling penting dan menjadi tumpuan kita ialah produk PSA itu sendiri iaitu para graduan selain diberi dan dididik dengan ilmu pengetahuan dalam bidang akademik mereka juga perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan yang berkaitan sebagai 'value added' terhadap diri mereka. Keadaan ini bagi memudahkan mereka diterima apabila mereka keluar dan berada dalam pasaran pekerjaan atau bagi meneruskan pembelajaran mereka di peringkat seterusnya. Di sinilah letaknya kepercayaan orang ramai terhadap kewibawaan dan kekuatan PSA selain dari kecemerlangan-kecemerlangan yang sedia ada yang telah dilaksanakan dan terapkan dalam setiap organisasi dalam PSA .

Kekuatan dan kecemerlangan PSA sebenarnya lebih terserlah adalah disebabkan oleh ciptaan dan inovatifnya dalam pelbagai bidang selain menjadi peneraju terhadap beberapa 'niche area' antaranya seperti melaksanakan program Penyelenggaraan Pesawat dan program Advance Diploma dalam bidang elektronik perubatan. Selain daripada pencapaian di atas PSA juga dikenali sebagai yang terkuat dalam arena sukan ragbi dan taekwando sehingga telah melahirkan beberapa ahli sukan dalam bidang berkenaan di peringkat kebangsaan. Di samping itu PSA juga telah menjuarai pelbagai ketagori

inovasi dan rekacipta pertandingan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam dan swasta dalam negara. Dalam hubungan antarabangsa bidang pendidikan politeknik pula PSA adalah peneraju kepada kerjasama hubungan antarabangsa antara Politeknik Shenzhen di China dengan Politeknik PSA di Malaysia. PSA juga banyak menerima kunjungan dan lawatan daripada negara luar untuk bertukar-tukar maklumat di samping ada yang menjadikan PSA sebagai model atau 'benchmark' kepada sistem pengajian politeknik dalam negara mereka. Semua ini adalah antara kejayaan-kejayaan dan kecemerlangan yang telah dicapai oleh PSA dan kecemerlangan ini telah melonjakkan lagi imej PSA di persada pendidikan institusi pengajian tinggi negara.

PSA juga terkenal dengan kecemerlangan dalam bidang pengurusan kualiti. Ini telah dibuktikan apabila PSA adalah Politeknik pertama menerima pengiktirafan persijilan MS ISO 9002:1994 pada 3hb September 1999 dan juga yang pertama telah menukar persijilan ke MS ISO 9001:2000 pada 5hb Jun 2002 melalui SIRIM Berhad. Kecemerlangan PSA berterusan apabila tempoh persijilan MS ISO 9001:2000 telah dilanjutkan sehingga 2hb September 2011 tanpa sebarang Laporan Ketidakpatuhan (NCR). Dengan pelbagai pengiktirafan serta anugerah pengurusan kualiti ini telah menjadikan staf dan organisasi PSA adalah antara yang menyerlah dan cemerlang dalam kalangan beberapa institusi pengajian tinggi awam negara ini.

Pada saya kecemerlangan PSA tidak terhenti setakat itu sahaja malah kita perlu berusaha keras bersatu hati dan tenaga untuk terus mengorak langkah ke hadapan untuk mendapatkan beberapa lagi persijilan dan anugerah baru yang lebih berprestige. Saya menyeru warga PSA khususnya para pensyarah hendaklah menjadi pemangkin kepada kejayaan pelajar-pelajar dan mereka bukan sahaja memiliki tenaga kemahiran dalam bidang pembelajaran teknikal tetapi juga harus memiliki kemahiran dalam pelbagai bidang khususnya 'parenting

skills ' dan kaunseling . Selain itu mereka perlu mengikuti latihan dan kursus yang diwajibkan anjuran BLK, JPPKK untuk tujuan kenaikan pangkat demi masa hadapan mereka yang lebih cemerlang.

Peningkatan terhadap kecemerlangan diri juga amat penting bagi penjawat awam oleh itu untuk mencapainya mereka perlulah rajin membaca, memahami dan mematuhi segala peraturan perkhidmatan awam seperti dalam arahan-arahan perbendaraan , pekeliling-pekeliling dan perintah-perintah am mengenai bab-bab tata tertib, cuti, dan lain-lain. Kita juga perlu mematuhi garis panduan perbelanjaan secara berhemah serta mengamalkan integriti dalam pengurusan kewangan. Selain dari di atas yang paling penting lagi ialah perlu ada keikhlasan dalam setiap diri kakitangan awam semasa melaksanakan tugas seharian walaupun proses pemantauan ada kalanya tidak dapat dilakukan terhadap setiap individu. Imej diri dan imej baik PSA perlulah sentiasa dijaga dan semua ini akan dapat membantu dan menaikkan lagi kewibawaan kakitangan dan imej kecemerlangan PSA di mata masyarakat dan dunia luar.

Saya berdoa semoga di tahun 2009 ini kita akan terus memacu kejayaan dan meletakkan PSA di puncak kecemerlangan sebagai sebuah Politeknik yang hebat dan terunggul bukan sahaja terkenal di kaca mata masyarakat negara ini bahkan juga di terkenal di peringkat antarabangsa sesuai dengan misi dan visinya.

Sekain dan terima kasih
